



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
AHAD 8 DISEMBER 2019**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	MUNGKIN SEBAB DITOLAK ARUS, SINAR NEGERI TERENGGANU, SH -31	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	MADU KELULUT KOMERSIAL, XPRESI, METRO AHAD -36,37	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
3.	RUGI 390,000, LOKAL, HM -7	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/12/2019	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI TERENGGANU	31

## 'Mungkin sebab ditolak arus'

**MARANG** - Kehadiran seekor penyu yang muncul di Pantai Pulau Kekabu di sini menarik perhatian penduduk di kawasan itu.

Penemuan itu dikongsi menerusi laman sosial Facebook MarangKiter jam 7.16 petang kelmarin.

Menurut perkongsian itu, penyu itu ditemui muncul di pantai itu pagi kelmarin.

"Anak penyu mendarat di Pantai Pulau Kekabu pagi tadi (kelmarin).

"Besor (besar) kekgi (nanti) marilah jalan sining (di sini) lagi neh (ya)," katanya.

Sementara itu, Pengarah Perikanan Negeri Terengganu, Zawawi Ali berkata, penyu daripada spesies karah itu dianggarkan berusia lima hingga enam tahun.

Katanya, itu adalah kali pertama pantai itu menerima 'kunjungan' daripada hidupan yang tergolong dalam spesies terancam itu.

"Biasanya penyu daripada spesies ini mendarat di Pulau Kapas. Belum pernah lagi penyu naik ke pantai di Pulau Kekabu.



Penemuan penyu di Pantal Pulau Kekabu yang tular di media sosial kelmarin.

Mungkin sebab ia ditolak arus deras," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* di sini semalam.

Katanya, terdapat 49 pantai di Terengganu yang menjadi lokasi pendaratan penyu untuk bertelur.

"Penyu akan mendarat di lokasi-lokasi itu dalam tempoh tertentu untuk bertelur.

"Musim bertelur atau penyu mendarat biasanya pada bulan Mac hingga Oktober sahaja," katanya.

Headline	MADU KELULUT KOMERSIAL		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	08 Dec 2019	Color	Full Color
Section	Xpresi	Circulation	120,979
Page No	36,37	Readership	362,937
Language	Malay	ArticleSize	1729 cm <sup>2</sup>
Journalist	NURUL HUSNA MAHMUD	AdValue	RM 67,851
Frequency	Daily	PR Value	RM 203,553



# MADU KELULUT KOMERSIAL

Usahawan perlu arif penjagaan serta amalan pertanian baik agar dapat optimum hasil

## AGRO

Oleh Nurul Husna Mahmud  
RUMAH BUKIT  
BANGSASARAN, PERAK

Madu kelulut antara produk agro berpotensi dikembangkan untuk pasaran asing disebabkan manfaatnya yang tinggi terhadap kesihatan.

Malah dalam perbincangan Dewan Rakyat baru-baru ini, antara dibangkitkan adalah usaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk merangka langkah strategik dalam mencari peluang pasaran luar menerusi pameran perdagangan di luar negara.

Sebelum ke arah itu, usaha memperkasakan golongan penternak terutama dalam kalangan belia dalam membekalkan madu yang memenuhi piawatan serta berkualiti untuk pasaran luar perlu dilakukan terlebih dulu.

Bagi tujuan penternakan komersial madu kelulut, kata Pegawai Penyelidik Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Fahimee Jaafar, sekurang-kurangnya 30 sarang diperlukan berbanding mereka yang memernak untuk keperluan sendiri.

Namun ditekankan bagi penternak komersial atau menjadi usahawan madu kelulut itu sendiri, mereka perlu arif mengenai penjagaan serta amalan pertanian baik agar dapat mengoptimalkan penghasilan madu.



GEMOTRIGONA  
thoracica juga boleh  
hasilkan madu

"Mengenai tuai madu kelulut untuk satu koloni iaitu merujuk kepada satu sarang, hasil minimum boleh diperolehi sekitar 250 gram sebulan. Kalau musim yang baik iaitu menjelang musim buah dan bunga, hasilnya boleh meningkat kepada hampir dua kilogram madu.

"Ini kerana penghasilan madu bergantung kepada sumber makanan di sekitar sarang. Lebih baik kedudukan ladang ternak lebah kelulut dalam kawasan kebun buah atau berhampiran dengan kawasan yang ada bunga. Dengan sumber makanan banyak, bermakna madu dihasilkan juga berbaloi.

"Sementara untuk kualiti madu kelulut yang baik, perlu diketahui lebah kelulut itu tidak hanya bergantung pada satu jenis sumber makanan semata-mata. Sebaliknya pelbagai sumber agar ada khasiat buah, bunga mahupun herba

Headline	MADU KELULUT KOMERSIAL		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	08 Dec 2019	Color	Full Color
Section	Xpresi	Circulation	120,979
Page No	36,37	Readership	362,937
Language	Malay	ArticleSize	1729 cm <sup>2</sup>
Journalist	NURUL HUSNA MAHMUD	AdValue	RM 67,851
Frequency	Daily	PR Value	RM 203,553



LEBAH kelulut gemar sarang dalam lubang batang pokok.



SPESES lebah kelulut, *Heterotrigona itama* yang menghasilkan madu.



ANTARA kaedah ternakan iaitu menggunakan kotak.



KOLONI yang matang boleh dipisahkan.



PERLU diletakkan di kawasan tedup seperti di bawah pokok.



MADU dalam kantung kelulut.

dalam kandungan madu berkenaan," katanya ketika ditemui di MARDI Klang, Johor Baru, hari ini.

Mengenal penempatan sarang itu ketika ini, kata Fahimee, selalunya koloni lebah kelulut dipisahkan daripada pokok batak yang sudah sedia ada sarang atau koloni lebah terdahulu.

Tidak dinafikan untuk mula ternak lebah kelulut ini, perlu ada sarang dan tuasnya ia dijual pada harga sekitar RM250 dan boleh melambang kepada RM1,000 untuk hasil yang sudah stabil.

"Hanya dua spesies lebah kelulut yang menghasilkan madu iaitu *Heterotrigona itama* dan *Geniotrigona thoracica* yang berbeza segi saiz dan warna.

"Adanya koloni matang, sebenarnya ia sudah boleh pecah untuk hasilkan koloni baru. Perlu ketahui sebelum pecah koloni, empat kriteria penting perlu dipatuhi iaitu perlu ada lebah panti, sel telur

atau lebih besar saiz telurnya berbanding sel telur lebah askar, koloni matang lebih 18 tingkat sarang dan ditukuk an ketika musim buah atau bunga.

"Daripada sarang atau koloni asal, hanya boleh hasilkan satu koloni baharu dalam satu masa. Namun proses pemisahan itu boleh dilakukan berturut-turut apabila empat kriteria asal itu dipenuhi," katanya.

Mengenal kaedah penempatan lebah berkenaan, ketika ini hanya dua jenis metodologi batak kayu ataupun blok kayu. "Lebah ini juga tidak berbahaya dan sarangnya perlu diletakkan di kawasan tedup seperti di bawah pokok adalah yang terbaik. Kalau diletakkan di kawasan terbuka dan terdedah kepada panas,

lebah kelulut akan mati atau lari membuat sarang di tempat yang lain.

"Perkara lain perlu diketahui ketika memuai madu lebah ini juga, elak tuai ketika musim hujan kerana kandungan air tinggi dalam madu mewujudkan kerpapambahan untuk memprosesnya.

"Kesan gagal membuang air dalam madu itu apabila diletakkan dalam botol akan menyebabkan tindak balas gas sehingga mampu memecahkan botol yang digunakan


bagi menyimpan madu berkenaan," katanya sambil memaklumkan madu itu boleh dimuai sebanyak lapan kali setahun.

Langkah terbaik untuk mereka yang berminat berjinak-jinjak dalam ternakan madu kelulut terbahari, Fahimee menyarankan individu berkenaan mengikut kursus dianjurkan oleh agensi seperti MARDI atau jabatan Pertanian untuk mendapat penerangan yang lebih terperinci.



Hanya dua spesies lebah kelulut yang menghasilkan madu iaitu *Heterotrigona itama* dan *Geniotrigona thoracica* yang berbeza segi saiz dan warna

**FAHIMEE  
JAAFAR**



KASWADI menunjukkan ikan kerapu hybridnya yang mati.

**Permaisuri:** Tiga pengusaha ikan sangkar mengalami kerugian lebih RM390,000 selepas ratusan ikan mati dipercayai akibat fenomena pertembungan air pasang dan banjir di Laguna Setiu, di sini.

Difahamkan kejadian berlalu berikutan pengusaha tidak menjangka musim banjir tahun ini lebih awal berbanding kebiasaannya akhir Disember.

Akibatnya, 100,000 kerapu 'hybrid' bersaiz antara 300 gram hingga 500 gram dan 45,000 bawal emas mati kerana spesies ini bergantung kepada sumber air masin.

Seorang pengusaha, Kaswadi Kadir, 49, berkata, mereka sudah mengambil langkah awal termasuk melakukan ujian mengesan tahap kemasinan air dibantu kakitangan Jabatan Perikanan.

"Sehari sebelum kejadian hujan lebat sebelah pagi dan air limpah mula memenuhi muara Sungai Setiu, kandungan air masin masih berada pada tahap selamat.

"Namun, keesokan harinya, tahap kemasinan air tu-

run mendadak menyebabkan ikan mula mati dan timbul.

"Bimbang menanggung kerugian lebih banyak, saya memindahkan ikan kerapu 'hybrid' ke dalam kolam dibina dalam bangunan dibantu beberapa pekerja dalam tempoh dua hari," katanya yang ditemui di Laguna Setiu, semalam.

Kaswadi berkata, usaha itu dapat mengurangkan jumlah ikan mati, tetapi masih menanggung kerugian RM20,000.

"Saya baru mengusahakan ikan sangkar awal tahun ini dan antara September hingga November tempoh untuk menuai hasil dan dijual kepada pelanggan.

"Walaupun terpaksa menanggung kerugian besar, kami tidak serik meneruskan penternakan ikan sangkar ini kerana menjadi penyumbang ekonomi utama keluarga," katanya.